



MESYUARAT Khas Mengenai Asia Barat anjuran OIC diadakan di Pusat Konvensyen, Putrajaya, semalam. – Gambar AFP

# 2 deklarasasi desak PBB henti konflik

BH - 23/4/2004, m/s: 2

Oleh Mohd Azlan Jaafar, Azman Zakaria dan Shamshul Azree Shamshir

PUTRAJAYA: Mesyuarat Khas Mengenai Asia Barat anjuran Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) semalam mengeluarkan dua deklarasasi menuntut pembabitian langsung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghentikan pergolakan di Iraq dan Palestin.

Deklarasi Palestin yang menyenaraikan 15 resolusi, mahu kumpulan empat (the Quartet) meningkatkan usaha membawa kedamaian di Timur Tengah terutama dalam konteks pelan damai dan Pelan Damai Inisiatif Arab serta membantah tindakan unilateral Israel.

"Kami mahu Majlis Keselamatan PBB melaksanakan tanggungjawabnya mempertahankan keamanan dan keselamatan di Palestin.

"Kami menggesa PBB dan masyarakat antarabangsa meminta Israel menghentikan polisi atau keganasan yang mengakibatkan banyak

penduduk awam terkorban, selain tindakan mereka menceroboh wilayah Palestin.

"Kami juga mahu PBB menimbang menghantar Pasukan Pengaman ke Palestin bagi mengawasi pelaksanaan Pelan Damai di Timur Tengah. PBB juga harus meminta Israel menghentikan pembinaan tembok di Tebing Barat," menurut Deklarasi Palestin yang diedarkan selepas mesyuarat berkenaan di sini lewat, petang semalam.

Persetujuan itu dicapai selepas perbincangan dua jawatankuasa yang dihadiri menteri dan ketua delegasi yang merangkumi Jawatankuasa Al-Quds, Jawatankuasa Enam Palestin, Troika Sidang Kemuncak OIC Ke-10 dan Troika Persidangan Menteri Luar OIC Ke-30 yang diadakan di sini, April lalu.

Negara yang menghadiri mesyuarat itu secara konsensus membantah tindakan unilateral Israel yang bercanggah dengan resolusi antarabangsa serta apa yang dinyatakan dalam pelan damai Asia Barat.

Deklarasi itu juga menyatakan ko-

mitmen kepada proses damai di Timur Tengah dengan pelaksanaan sepenuhnya Pelan Damai Inisiatif Arab dan pelan damai yang dipersejajuti quartet antarabangsa.

"Kami berpendirian pelan damai dan sokongan Amerika Syarikat menjejaskan usaha damai di Timur Tengah kerana ia menyetepikan hak rakyat Palestin terutama dalam isu penempatan," menurut deklarasi itu.

Deklarasi itu menyatakan sokongan OIC kepada rakyat Palestin serta mengiktiraf kepemimpinan Presiden Yasser Arafat selain sokongan politik, material dan moral kepada rakyat Palestin.

Mesyuarat khas itu juga meluluskan cadangan menjadikan Malaysia sebagai pengerusi OIC, sebagai ketua kumpulan peringkat menteri untuk menemui kumpulan quartet bagi memperincikan rumusan yang dicapai dalam mesyuarat khas itu.

Dalam Deklarasi Iraq yang menggariskan 10 perkara, juga memperakui PBB memainkan peranan utama bagi mewujudkan keamanan, keselamatan dan kestabilan di



ABDULLAH berucap pada majlis perasmian Mesyuarat Khas OIC Mengenai Asia Barat di Putrajaya, semalam.

negara itu.

Mesyuarat Khas itu juga mendesak Majlis Keselamatan PBB segera mengeluarkan resolusi mengembalikan kedaulatan dan kemerdekaan sepenuhnya kepada rakyat Iraq dan memberi mandat dan kuasa sewajarnya kepada PBB bagi memastikan matlamat itu dicapai.

"Kita menekankan semula mengenai hak rakyat Iraq untuk menentukan secara bebas masa depan politik mereka dan untuk mempunyai kuasa sepenuhnya terhadap sumber asli mereka serta untuk mewujudkan kerajaan yang mewakili semua pihak dan terhadap keperluan mengembalikan sepenuhnya

kedaulatan Iraq," katanya.

Deklarasi itu menyambut baik tarikh 30 Jun 2004 yang dipersejajuti oleh Coalition Provisional Authority (CPA) dan Majlis Pentadbiran Iraq untuk memberikan kedaulatan kepada Iraq.

OIC mendesak semua pihak khususnya tentera asing di negara itu memberikan komitmen sepenuhnya agar proses itu berjalan lancar.

"Kami mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak berperikemanusiaan penganan terhadap orang awam Iraq, tempat ibadat, balai polis, hotel, institusi perkhidmatan awam serta terhadap pegawai dan pejabat diplomatik," katanya.